

19/3/2018

SIARAN MEDIA

KISAH KEJAYAAN AIR PBAPP: SEMPURNAKAN PAKEJ 1 PROJEK SALURAN PAIP BERKEMBAR DASAR LAUT BARU PULAU PINANG BERNILAI RM9.2 JUTA UNTUK PASTIKAN TIADA CATUAN AIR DI PULAU PINANG UNTUK TEMPOH 10 TAHUN AKAN DATANG

PULAU PINANG, Isnin (19/3/2018): Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah menyempurnakan Pakej 1 Projek Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Butterworth-Pulau Pinang yang baru.

Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng berkata rasional utama bagi projek saluran paip dasar laut baru bernilai RM125 juta itu ialah:

1. Menyalurkan air terawat yang lebih dan efisien dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke Pulau Pinang, untuk menangani permintaan air pada masa hadapan;
2. Penggantian saluran paip berkembar dasar laut pertama yang bermula pada tahun 1973 (berusia 45 tahun); dan
3. Memastikan Pulau Pinang dapat memenuhi dasar "Tiada Catuan Air" pada masa akan datang, untuk manfaat rakyat dan ribuan perniagaan di pulau.

Kisah kejayaan air PBAPP: Sempurnakan pakej 1 projek saluran paip berkembar dasar laut baru Pulau Pinang bernilai RM9.2 juta yang memastikan tiada catuan air di Pulau Pinang untuk 10 tahun akan datang.

Projek saluran paip berkembar dasar laut baru dibangunkan dalam 3 pakej:

- Pakej 1, yang merangkumi pemasangan 0.9km daripada saluran paip dasar laut 1,800mm di kawasan Macallum di George Town telah disiapkan dengan kos kira-kira RM9.2 juta.
- Pakej 2A dan 2B melibatkan pemasangan 0.8km saluran paip dasar

laut 1,800mm di Butterworth. PBAPP sedang menunggu kelulusan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk memulakan kerja. Kos yang diunjurkan untuk Pakej 2A dan 2B ialah RM15.2 juta.

- Pakej 3 terdiri daripada pemasangan 3.2km saluran paip berkembar dasar laut 1,200 mm dari Butterworth ke kawasan Macallum di Pulau Pinang. Tender terbuka dijadualkan akan dipanggil pada Mei 2018.

YAB Tuan Lim mengadakan lawatan teknikal ke tapak Pakej 1 yang siap di kawasan Macallum di Pulau Pinang hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Dato' Ir. Jaseni berkata keseluruhan projek itu dijadualkan siap pada Disember 2020.

“Apabila siap, saluran paip berkembar dasar laut Butterworth-Pulau Pinang yang baru akan menyalurkan sehingga 315 MLD (juta liter sehari) air terawat dari LRA Sungai Dua ke rumah pam PBAPP dan kolam air terawat di Bukit Dumar di Pulau Pinang. Air terawat kemudiannya akan dipam semula kepada pengguna air di seluruh bahagian selatan Pulau Pinang dan juga Balik Pulau,” katanya.

YAB Lim berkata manfaat daripada projek ini adalah 500,000 orang dan beribu-ribu perniagaan yang terletak di kawasan Green Lane sehingga ke daerah barat daya Pulau Pinang, yang terdiri daripada pengguna air domestik dan perniagaan.

Beliau berkata projek-projek untuk masa hadapan seperti ini juga telah membantu Pulau Pinang mencapai margin rizab air tertinggi di Malaysia pada tahun 2016 (sila rujuk Lampiran A) sebanyak 34.1%, yang membolehkan Pulau Pinang berjaya tanpa mengenakan catuan air sejak 2008, satu-satunya negeri yang berjaya mengelak catuan air di Malaysia.

Pulau Pinang juga berjaya dengan tarif air domestik terendah di Malaysia pada RM0.32 bagi setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter pertama dan pengendali air yang mencatatkan keuntungan paling konsisten di Malaysia. Kejayaan dapat dicapai kerana perkongsian 4P kami iaitu *public*, *private*, *people* dan *professional*.

“Perlu ditegaskan bahawa Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang secara terbuka mengisytiharkan dasar Tiada Catuan Air.

Pelaksanaan projek Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Butterworth-Pulau Pinang yang baru mencerminkan komitmen kami yang teguh terhadap dasar ini dengan memastikan bekalan sentiasa mendahului permintaan,” tambah YAB Lim.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

Lampiran A:

Margin Rizab Air 2016

Negeri	2016			
	Jumlah LRA	Kapasiti Rekabentuk LRA	Pengeluaran	Margin Rizab Air
				JLH
Pulau Pinang	9	1,599	1,054	34.1
WP Labuan	6	101	72	29.2
Perak	46	1,846	1,317	28.7
Terengganu	12	846	616	27.2
N. Sembilan	23	1000	779	22.1
Pahang	76	1414	1111	21.4
Sarawak	93	1675	1328	20.7
Melaka	9	639	510	20.1
Johor	44	1986	1661	16.4
Sabah	73	1304	1221	6.4
Kelantan	35	500	471	5.8
Perlis	4	233	230	1.0
Selangor	34	4606	4807	0.0
Kedah	36	1308	1361	0.0
Malaysia	500	19056	16536	13.2

Sumber: *Malaysia Water Industry Guide 2017*